


Syarat Kemasukan

 [Cetak](#) | Jumlah paparan: 5974

Syarat kelayakan masuk ke Universiti Malaysia Sabah adalah tertakluk kepada peraturan Pengajian Prasiswazah UMS. Pelajar-pelajar yang dipilih ke Universiti ini adalah melalui cara-cara seperti berikut:

Saluran Utama

Calon-calon hendaklah:

- a. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) **atau**
Lulus Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia **atau**
Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) **atau**
Lulus Diploma / Sijil dalam bidang berkaitan IPTA-IPTA lain **dan**
- b. Mengambil Malaysian University English Test (MUET)

Permohonan kemasukan ke UMS bagi pengambilan setiap tahun adalah melalui Aplikasi Dalam Talian (Online Application) yang diselaraskan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi Malaysia.

Pemohon boleh melayari Laman Web <http://www.moe.gov.my> untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai syarat am serta keperluan Khas Program dan seterusnya mengemukakan permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian selepas iklan mengenainya disiarkan dalam akhbar utama tempatan.

KELAYAKAN MINIMUM LEPASAN STPM / SETARAF

Syarat Am Universiti

Lulus sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam amta pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai

dan

Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolah Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya :

- ▶ **Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am**

dan

- ▶ **Gred C (NGMP 2.00) dalam mata dua (2) mata pelajaran lain**

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 1 (Band 1)** dalam **Malaysian University English Test (MUET)**.

KELAYAKAN MINIMUM LEPASAN MATRIKULASI KPM / ASASI SAINS UM / ASASI SAINS UiTM

Syarat Am Universiti

Lulus sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam amta pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai

dan

Lulus Matrikulasi KPM / Asasi Sains UM / Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 1 (Band 1)** dalam **Malaysian Universiti English Test (MUET)**.

KELAYAKAN MINIMUM LEPASAN STAM / SETARAF

Syarat Am Universiti

Lulus sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam amta pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai

dan

Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat **Jayyid** dalam **Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2013 dan 2012**

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 1 (Band 1)** dalam **Malaysian Universiti English Test (MUET)**.

KELAYAKAN MINIMUM LEPASAN DIPLOMA / SETARAF

Syarat Am Universiti

Lulus sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam amta pelajaran Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia atau kepujian Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia Kertas Julai

dan

Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti;

atau

Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun 2012 atau sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am;

atau

Lulus Peperiksaan **Matrikulasi Tahun 2012** atau sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau

Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2011 atau sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya **Pangkat Jayyid**;

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 1 (Band 1)** dalam **Malaysian University English Test (MUET)**

dan

Menyertakan dokumen berikut yang telah disahkan kepada pihak Universiti:-

- ▶ Salinan Permohonan Aplikasi Dalam Talian;
- ▶ Salinan Kad Pengenalan / MyKad calon;
- ▶ Salinan Sijil Kelahiran Calon, Ibu dan Bapa/Surat Akuan Sumpah (Jika hilang);
- ▶ Salinan Sijil Berhenti Sekolah / Surat Akuan;
- ▶ Akuan Majikan (Jika Berkaitan);
- ▶ Salinan Sijil STPM / Setaraf; dan
- ▶ Salinan Transkrip penuh Akademik (Semester 1 hingga akhir);
- ▶ Salinan Diploma / Sijil (Jika ada)
- ▶ Salinan sijil MUET;
- ▶ Salinan Surat Pengesahan Tamat Pengajian;
- ▶ Salinan Keputusan Bahasa Melayu / Matematik Julai (Jika ada)